

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

5 DISEMBER 2020

1. Pengurus syarikat bekal halal daging tipu logo halal ditahan
2. Tembak Kerbau jual daging
3. Tembak kerbau guna peluru hidup: Geng curi ternakan melapah tepi jalan, jual daging tanpa disembelih
4. 4,000 ekor itik telur dihanyutkan banjir
5. Daging sejuk beku dihantar ke zoo: Pengurus syarikat pembekalan produk sejuk beku akan ditahan bantu siasatan
6. Norhanisah berjiwa penternak
7. Label halal palsu
8. Lali bau hamis kambing
9. Tak serasi kerja makan gaji
10. Authorities to crack down on Johor “meat cartel”: False Halal Labelling

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pengurus syarikat bekal daging tipu logo halal ditahan

Gagal kemuka dokumen import sah ketika diperiksa kastam

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kulai: Jabatan Kastam Diraja Malaysia menahan seorang pengurus sebuah syarikat membekal daging sejuk beku dipercayai terbabit dalam kegiatan kartel daging menipu label halal, semalam.

Pegawai Kastam Kanan Bahagian Penguatkuasaan Johor, Khalik Drahman, berkata penahanan pengurus itu dilakukan mengikut Akta Kastam 1967 bagi membantu siasatan.

"Dia akan ditahan kerana kesalahan mengangkut barang yang gagal dikemukakan dokumen import sah ketika diperiksa. Selepas soal siasat dijalankan, tindakan seterusnya akan diambil bergantung kepada siasatan.

"Kita juga akan menyita daging sejuk beku yang tidak mempunyai logo halal hari ini (semalam). Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyita yang ada logo halal itu," katanya di gudang syarikat berkenaan di Taman Perindustrian Senai di sini, semalam.

Khalik berkata, siasatan awal mendapati syarikat itu bukan saja menyeludup daging dari China, Brazil, Australia, Ukraine dan Argentina, tetapi turut mengimport ayam dan itik.

Beliau berkata, pihaknya tidak menafikan kemungkinan ada pi-



Tosrin melihat kotak daging sejuk beku di gudang yang menjadi proses penukaran label halal di Taman Perindustrian Senai, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)

hak lain yang melakukan kegiatan seumpama itu.

"Saya tidak boleh menafikan kemungkinan itu kerana pasaran daging ini besar di Malaysia.

"Berdasarkan apa dilihat, mereka menggunakan pembungkusan semula produk dari Australia.

"Mungkin mereka bungkus semula untuk naikan harga kerana harga produk Australia mahal dan orang ramai yakin dengan produk negara itu, cuma pembungkusan asal dari mana daging itu berasal masih belum ditemui," katanya.

Sementara itu, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) akan mengadakan mesyuarat khas Isnin ini berhubung isu kartel daging yang menipu label halal susulan pembongkaran gudang kartel itu di Senai, Rabu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi, berkata mesyuarat bertujuan merangka tindakan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Beliau berkata, kerajaan negeri memandang serius isu terbabit dan menyifatkan pembongkaran itu satu insiden mengejutkan, apatah lagi ia perkara sensitif buat umat Islam di negara ini.

"Saya terperanjat kerana selama ini tidak menyangka perkara ini akan terjadi. Kini jelas apa dibongkar adalah satu perkara serius kerana ia membatalkan kemudahan kepada pengguna, khususnya orang Islam bukan saja di Johor, tetapi seluruh negara.

"Selaku Pengerusi Majlis Halal Negeri Johor, saya akan mem-

buat mesyuarat khas dengan memanggil semua jabatan terbabit dalam pembongkaran kes kartel daging ini serta wakil setiap pelabuhan di negeri ini.

"Mesyuarat akan berlangsung jam 2 petang Isnin ini di Pusat Islam Iskandar bagi membincangkan perkara ini dan langkah seterusnya untuk memastikan kartel daging ini tidak boleh masuk ke negara kita, sama ada melalui jalan laut atau darat," katanya selepas meninjau gudang diserbu pihak berkuasa berhubung kartel daging di Taman Perindustrian Senai, di sini, kelmarin.

Tosrin berkata, siasatan sedang dilakukan ke atas pihak berkaitan termasuk pengesahan jenis daging dirampas dengan sampel dihantar ke Jabatan Kimia minggu ini.

Tembak kerbau, jual daging

Geng curi ternakan 'mengganas' di Jerantut



PENJENAYAH mengerat badan seekor kerbau untuk mencuri dagingnya.

SATU kumpulan mencuri ternakan semakin 'mengganas' apabila bertindak agresif dengan menembak kerbau sebelum melapah dagingnya tanpa disembelih terlebih dahulu dalam kejadian di Jalan Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Dalam kejadian terbaharu awal pagi Rabu lalu, sebanyak tiga ekor kerbau milik penduduk kampung telah ditembak dan badan haiwan itu dikerat di tepi jalan tersebut.

Kes kecurian itu bukan sahaja meresahkan penternak kerbau, malah masyarakat di Jerantut kkuatir daging curi tersebut dijual kepada orang ramai terutama umat Islam.

» BERITA DI MUKA 2

SEKOR kerbau yang ditembak tidak sempat dilarikan penjenayah ditinggalkan di Jalan Ulu Tembeling, Jerantut pada Rabu lalu.



Geng curi ternakan melapah tepi jalan, jual daging tanpa disembelih

Tembak kerbau guna peluru hidup

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

JERANTUT - Kebiasannya pencuri kerbau atau lembu akan menembak ternakan menggunakan ubat pelali sebelum dibawa lari menaki kenderaan.

Namun, di Jalan Ulu Tembeling di sini, geng curi ternakan bertindak agresif dan kejam apabila menembak kerbau dengan peluru hidup.

Malah, penjenayah terbabit bertindak melapah kerbau yang ditembak tanpa disembelih terlebih dahulu di tepi jalan tersebut sebelum dagingnya dijual.

Dalam kes terbaharu pada Rabu lalu, sebanyak tiga ekor kerbau milik penduduk Kampung Pagi di sini telah ditembak dan badannya dikerat-kerat.

Seorang penduduk Kampung Pagi, Marzuki Mohammad, 44, berkata, tiga ekor kerbau yang ditembak mati awal pagi Rabu lalu itu adalah milik rakannya dan kes tersebut adalah kali kedua berlaku dalam tempoh sebulan.

"Sebelum ini, seekor kerbau miliknya cedera ditembak, namun kejadian itu telah disedari rakannya itu. Kerbau tersebut juga sempat disembelih sebelum mati dan dagingnya dijual.

"Bagaimanapun, pada malam Rabu lalu, tiga ekor lagi kerbau-nya ditembak dan dagingnya cuba dilarikan pencuri mengu-



Di Jalan Ulu Tembeling, Jerantut inilah geng curi ternakan menembak kerbau yang berkeliaran.



SEPARUH badan kerbau yang tidak sempat dilarikan penjenayah ditemui di Jalan Ulu Tembeling, Jerantut pada Rabu lalu.

nakan kenderaan pacuan empat roda.

"Kali ini pencuri hanya sempat mengambil daging seekor kerbau dan separuh badan seekor lagi kerbau, manakala seekor lagi yang berada di dalam longkang tidak sempat dilarikan selepas terserempak dengan penduduk," katanya kepada Kosmo semalam.

Marzuki memberitahu, empat ekor kerbau milik rakannya itu juga pernah hilang dipercayai dicuri beberapa bulan lalu.

Katanya, kecurian kerbau yang berlaku bukan sahaja meresahkan penternak, malah

masyarakat di daerah ini yang khuatir daging ternakan berkenaan dijual kepada orang ramai terutama umat Islam.

Difahamkan, kerbau-kerbau yang sering menjadi sasaran pencuri adalah ternakan yang berkeliaran pada waktu malam.

Penternak dikatakan mempunyai kandang, namun sering dirosakkan binatang liar termasuk gajah.

Sementara itu, seorang penternak, Haikal Ismail, 33, berkata, awal tahun ini, dua ekor kerbau miliknya menjadi mangsa pencuri yang menembak dan melarikan ternakannya sehingga mengalami kerugian kira-kira RM6,000.

Katanya, kejadian itu menyebabkannya sentiasa bimbang, apatah lagi dia tinggal agak jauh dari kawasan ternakan kerbau.

"Sebelum ini, dua pekerja kepada pencuri kerbau ada datang meminta maaf kerana menembak ternakannya, tetapi mereka tidak membayar sebarang ganti rugi sehingga kini," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jerantut, Superintendan Mazlan Hassan berkata, pihaknya sedang giat mengesan suspek yang terlibat dalam kejadian mencuri kerbau itu.

Katanya, pihak polis akan memaklumkan perkembangan siasatan sekiranya terdapat suspek yang ditahan.

Penternak dan pengusaha Telur Masin Moksu mengalami rugi RM80,000 4,000 ekor itik telur dihanyut banjir

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Seorang penternak itik telur di Kampung Banggol Pak Esah, Selising di sini kerugian RM80,000 selepas 4,000 ekor haiwan ternakannya mati akibat dihanyutkan arus deras dalam kejadian banjir kelmarin.

Rahimah Mohámed, 62, berkata, hujan tanpa henti selama tiga hari menyebabkan reban yang menempatkan kira-kira 5,000 ekor itik pecah selepas paras air Sungai Banggol Pak Esah melimpah ke tebing.

Menurut pemilik syarikat Rahimah Sinar Resources itu, dalam keadaan kelam-kabut dia dan pekerjaanya sempat memindahkan kira-kira 1,000 ekor itik ke kawasan selamat.

"Kesemua itik ini sedang bertelur di dalam reban. Sebanyak 1,000 ekor itik yang diselamatkan tersangkut pada pagar ladang, manakala selebihnya mati dihanyutkan arus deras.

"Mungkin itik-itik ini mati sebab kesejukan selain tidak dapat terapung kerana arus air yang deras," katanya ketika dite-



RAHIMAH bersama pekerjaanya menunjukkan bangkai itik yang dihanyutkan banjir ketika ditemui di ladang miliknya di Kampung Banggol Pak Esah, Pasir Puteh semalam.

mui Kosmo di sini semalam.

Selain itik, pekerja syarikat itu sempat memindahkan ratusan guni makanan haiwan tersebut dari kawasan ladang berkenaan.

Rahimah reda dengan kejadian itu, namun kerugian yang dialaminya akan menyebabkan 16 pekerjaanya termasuk 10 ibu

tunggal hilang pekerjaannya.

Selain menternak itik telur, syarikat itu turut mengeluarkan 1,000 biji telur masin sehari dengan menggunakan jenama Telur Masin Moksu.

"Ibu tunggal ini menguruskan telur masin yang ditempah pemborong selain menjualnya secara

dalam talian," katanya.

Menurut Rahimah, selain menyediakan peluang kepada penduduk setempat, keuntungan perniagaan turut dikongsi bersama pertubuhan bukan kerajaan Budak Kaki Lima yang banyak membantu asnaf dan ibu tunggal di sekitar daerah ini.

Jumlah mangsa banjir

Negeri/Daerah	Mangsa
Perak	
• Bagan Serai	27
Terengganu	
• Kuala Terengganu	139
• Kemaman	94
• Kuala Nerus	218
• Dungun	190
• Marang	769
• Setiu	294
• Besut	385
• Hulu Terengganu	19
Kelantan	
• Kota Bharu	87
• Pasir Mas	8
• Tanah Merah	12
• Pasir Puteh	219
Pahang	
• Raub	91
Jumlah Keseluruhan	2,552

*Statistik sehingga pukul 6 petang semalam

Pengurus syarikat pembekalan produk sejuk beku itu akan ditahan bantu siasatan

Daging sejuk beku dihantar ke zoo

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

KULAI – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor telah mengenal pasti dan akan menahan seorang pengurus sebuah syarikat pembekalan daging sejuk beku yang diserbu pihak berkuasa pada Rabu lalu dalam masa terdekat bagi membantu siasatan.

Pegawai Kastam Kanan (Bahagian Penguatkuasaan) negeri, Khalik Drahman memberitahu, lelaki warga tempatan berusia 40-an itu akan ditahan di bawah Akta Kastam 1967.

"Hari ini (semalam) kita juga telah menyita tiga buah lori penyimpanan daging sejuk beku dan ayam tidak mempunyai logo halal.

"Manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas daging sejuk beku yang menggunakan tanda logo



TOSRIN memeriksa daging sejuk beku yang diragui status halalnya di sebuah gudang di Taman Perindustrian Idaman, Senai, Kulai semalam.

halal," katanya pada sidang akhbar di gudang berkenaan semalam.

Turut serta dalam pemeriksaan itu, Pengerusi Jawatankua-

sa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sebelum ini menyerbu

gudang tersebut yang didakwa menyeludup daging sejuk beku ke negara ini sebelum membungkus semula menggunakan logo halal palsu.

Daging sejuk beku yang diseludup masuk itu datang dari Brazil, China, Ukraine dan Argentina.

Tambah Khalik, pihaknya juga tidak menafikan kemungkinan terdapat pihak lain yang melakukan kegiatan serupa kerana pasaran daging halal besar, termasuklah di negara ini.

"Tindakan kartel ini memalsukan logo Halal Australia adalah kerana logo halal negara berkenaan diyakini masyarakat Islam dan secara tidak langsung membolehkan mereka menjualnya dengan harga lebih tinggi.

"Ketika ini, daging berkenaan akan dihantar ke Jabatan Kimia dalam waktu terdekat untuk ditentukan jenis sebelum tindakan lanjut diambil," ujarnya.

Beliau turut memberitahu,

daging berkenaan akan diberi kepada zoo untuk dijadikan makanan haiwan atau dilupuskan mengikut kaedah ditentukan.

Sementara itu, Tosrin memberitahu, pihaknya kini sedang merangka satu aplikasi direktori halal untuk memudahkan pengguna Islam dan bukan Islam mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sesuatu produk.

Menurutnya, kerajaan negeri juga akan mengadakan mesyuarat khas Isnin ini berhubung isu kartel daging yang didakwa menipu logo halal.

"Mesyuarat itu membabitkan semua agensi kerajaan yang terlibat dengan pembongkaran kartel ini termasuklah pengusaha pelabuhan yang ada di Johor.

"Kita akan bincang dan rangka langkah seterusnya untuk memastikan kartel daging seperti ini tidak mudah membolosi negara sama ada melalui jalan darat atau laut," jelasnya.





ANGGOTA Kastam melakukan pemeriksaan terhadap daging yang terdapat di dalam gendang pembekal makanan sejuk beku yang disertu pihak berkuasa pada 2 Disember lalu kerana dipercayai membungkus semula daging dengan logo halal palsu dan memalsakan dokumen di Taman Perindustrian Senai, semalam.

LABEL HALAL PALSU

Johor mesyuarat Isnin sekat kemasukan daging tak sah

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Kulai

Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIN) mengambil serius isu kartel daging yang menipu label halal susulan pembongkaran gudang di Senai, Rabu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi berkata, pembongkaran itu sesuatu yang mengejutkan apatah lagi ia membabitkan sensitiviti umat Islam di negara ini.

"Saya sangat terperanjat kerana selama ini kita tidak menyangka perkara ini akan terjadi. Hari ini jelas apa yang dibongkar adalah satu perkara yang serius kerana ia membabitkan kemudaran kepada pengguna khususnya orang Islam bukan sahaja di Johor, tetapi seluruh negara.

"Sehubungan itu, sebagai Pengerusi Majlis Halal Negeri Johor, saya akan membuat mesyuarat khas dengan memanggil semua jabatan terbabit dalam pembongkaran kes kartel daging ini dan wakil dari setiap pe-

Tahan pengurus lepas pulih dari demam

Kulai: Pengurus sebuah syarikat membekal makanan sejuk beku yang dipercayai terbabit dalam kegiatan kartel daging tipu label halal akan ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pegawai Kastam Kanan Bahagian Penguatkuasaan Johor, Khalik Drahan berkata, penahanan lelaki warga tempatan berusia 40-an itu dibuat bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Akta Kastam 1967.

Katanya, lelaki berkenaan disiasat mengikut kesalahan mengangkut barang-barang yang gagal dikemukakan dokumen import yang sah ketika diperiksa.

"Selepas soal siasat dijalankan, tindakan seterusnya akan diambil bergantung siasatan. Sebenarnya kita sudah pegang kad pengenalan lelaki terbabit namun kita tidak boleh tahan hari ini kerana demam.

"Mengambil kira keadaan pandemik Covid-19 ketika ini, kita akan buat penahanan selepas dia pulih dari demam.

"Sejak hari pertama pertama pembongkaran kartel ini, dia memberikan kerjasama yang baik," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

labuhan di negeri ini.

"Mesyuarat akan diadakan Isnin ini jam 2 petang di Pusat Islam Iskandar

bagi membincangkan perkara dan langkah-langkah seterusnya dapat pasti-

kan kartel daging ini tidak boleh masuk ke negara kita, sama ada melalui jalan laut atau darat. Ini kita

akan bertindak segera," katanya ditemui selepas meninjau gudang yang di-

serbu pihak berkuasa berhubung kartel daging di Taman Perindustrian Senai di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarentin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Nur Afifah A Rahman dan Pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kanan (Bahagian Penguatkuasaan) negeri, Khalik Drahan.

Mengulas lanjut, Tosrin berkata, siasatan sedang dilakukan pihak berkaitan termasuk pengesahan jenis daging dirampas yang sampelnya dihantar ke Jabatan Kimia, minggu ini.

"Saya difahamkan kilang ini mempunyai lesen mengimport daging halal sahaja, tetapi dia menggunakan lesen itu untuk mengimport daging tidak sah serta ayam dan itik," katanya.

Beliau meminta umat Islam di Johor khususnya supaya bertenang dalam mendepani itu dan tidak sengaja menerbikkan provokasi.

"Bagi memudahkan pengguna mendapatkan produk halal yang diyakini, kita sedang membangunkan satu aplikasi direktori halal yang dijangka akan dilancarkan Mac tahun depan," katanya.

Anjur mesyuarat Isnin ini bincang perkara dan langkah-langkah seterusnya

WMM
WANITA METRO

FOTO: HASSAN OMAR

NORHANISAH bersama dua ekor kambing kesayangannya

LALI BAU HAMIS KAMBING

Norhanisah semat cita-cita teruskan legasi keluarga menjadi usahawan ternakan

FOKUS

Oleh Hassan Omar
rencana@hmetro.com.my

Sekali pandang, dia sama dengan gadis lain seusianya, namun bagi yang mengenali Norhanisah Norsham, 20, ada keunikan dalam diri empunya nama ini.

Tanpa 24 jam bertemakan gajet dan media sosial, gadis manis ini punya cita-cita tersendiri dalam meneruskan legasi keluarganya.

Sejak enam tahun lalu, dia banyak menghabiskan masanya di kandang lembu, kerbau dan kambing milik bapanya Norsham Mat Jan, 50, yang terletak berhampiran kediaman mereka di Kampung Rantau Panjang, Alor Gajah, Melaka.

Saban hari anak kedua daripada lima beradik itu mengikuti bapanya dan beberapa pekerja memberi makan kira-kira 700 lembu, 300 kerbau, 150 kambing dan 30 biri-biri di kandang itu.

Bermula sekadar suka-suka, akhirnya segala ilmu yang diperturunkan bapanya itu Norhanisah pasakkan untuk bergelar usahawan ternakan hebat satu masa nanti.

Mengimbau kembali zaman persekolahan rendah dan menengah, tamat saja sesi persekolahan masa akan berada di kandang ternakan ayahnya itu kerana perasaan sayang terhadap haiwan berkenaan sudah mula berputik.

> 40

MEMBANTU ketika proses penyembelihan dan melapah antara yang sering dilakukan Norhanisah.



SEBAHAGIAN daripada kambing yang diternak



TAHAP pesihatan setiap ternakan tidak pernah diabaikan

TAK SERASI KERJA MAKAN GAJI

Hanya setengah tahun bertahan sebelum ambil keputusan bela kambing sepenuh masa

DARI MUKA 39

"Saya sudah lali dengan bau najis lembu, kerbau dan kambing, apatah lagi dengan bau hamis badan haiwan itu yang semestinya kita tidak boleh lari jika sudah berada di kandang.

"Banyak yang saya pelajari daripada ayah, terutama jenis makanan tambahan untuk lembu, kerbau dan kambing, selain rumput napier serta daun kelapa sawit.


"Ketika kecil saya amat seronok membongkang motosikal ayah waktu mengembara lembu, kerbau dan kambing dalam ladang kelapa sawit berhampiran kandang. Dari situlah saya belajar kaedah mengenali haiwan yang sakit, bunting, hampir beranak dan seumpamanya," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2017, gadis hitam manis itu pernah cuba bekerja makan gaji di beberapa kedai di pekan Masjid Tanah namun ternyata ia tidak sesuai dengan jiwanya.

Hanya setengah tahun bekerja makan gaji sebelum dia mengambil keputusan membela kambing sepenuh masa.

Berbekalkan sedikit modal, Norhanisah membeli dua ekor kambing boer bapanya untuk diasingkan sebagai miliknya sendiri dan ditempatkan dalam kandang khusus.

"Sedikit demi sedikit saya beli lagi beberapa kambing boer, jumnapari



SABAN hari gadis ini banyak menghabiskan masanya di kandang lembu, kambing dan biri-biri.

dan farrel milik ayah untuk dijadikan haiwan peliharaan saya dan sekarang saya sudah ada 15 kambing," katanya.

Keringatnya membasahi tubuh ketika menolak kereta sorong berisi makanan tambahan untuk

kambing. Pada masa sama dia tidak pernah alpa untuk turut memberikan rumput napier dan daun kelapa sawit sebagai makanan asasi

kambingnya.

"Di kandang ini ada ayah, abang dan beberapa bapa saudara serta sepupu yang turut bertanggungjawab memastikan ternakan sentiasa sihat serta membesar dengan baik. Jika ada masalah, sudah pastilah saya meminta bantuan mereka," katanya.

Bagaimanapun, jika ada pelanggan membeli kambing untuk disembelih dan diproses, Norhanisah

terpaksa mendapatkan bantuan bapa atau bapa saudaranya untuk menyembelih haiwan itu sebelum dilapah mengikut kehendak pelanggan.

Darah yang menyembur dari leher haiwan ketika disembelih sedikit pun tidak mengentarkan gadis itu untuk membantu memegang haiwan berkenaan, selain membantu melapah dagingnya.

Bermula jam 8 pagi



NORHANISAH tidak kekok berada di kandang

HAIWAN ternakan juga jinak dengan Norhanisah

Sedikit demi sedikit saya beli lagi beberapa kambing boer, jumnapari dan farrel milik ayah untuk dijadikan haiwan peliharaan saya dan sekarang saya sudah ada 15 kambing,

NORHANISAH

hingga lewat petang. Norhanisah sentiasa berada di kandang bagi memastikan haiwan kesayangannya itu membesar dengan sempurna, bertambah pejal dagingnya dan bebas daripada penyakit.

"Saya belajar cara merawat kambing yang cedera dengan menyembur ubat dan mengasingkannya dalam kandang khas bagi mengelakkan penyakit berjangkit kepada kambing lain.

"Insya-Allah suatu hari nanti saya akan menjadi antara pembekal pelbagai jenis kambing pedaging utama di negeri ini," katanya mengakhiri perbualan.

FALSE HALAL LABELLING

Authorities to crack down on Johor 'meat cartel'

KUALA: Following reports that a warehouse in Senai has been used to smuggle frozen meat from abroad before they are repackaged with fake halal logos and sold nationwide, the Johor government will hold a special meeting on Monday to address the issue.

The meeting will discuss measures to stop the activities of the frozen meat syndicate.

State Islamic Religious Affairs Committee chairman Tosrin Jarvanthi said the meeting would involve the state Islamic Religious Department, state Halal Council and relevant departments, including representatives of all the ports in the state.

"This issue is extremely serious because it can harm consumers, not only Muslims in the state, but also in the whole country.

"We will formulate steps to take to stop this 'meat cartel' in the state," he said yesterday after inspecting the warehouse of a frozen meat supply company that was raided by the authorities at the Senai Industrial Park here.



Johor Islamic Religious Affairs Committee chairman Tosrin Jarvanthi (centre) inspecting the warehouse of a frozen meat supply company in Senai yesterday. With him are Johor Malaysian Quarantine and Inspection Services Department's Policy and Planning Division director Siti Nur Ahmad (left) and Johor Customs Department's Enforcement Division senior officer Khalik Drahman (right). BERNAMA PIC

Present were Johor Malaysian Quarantine and Inspection Services Department's Policy and Planning Division director Siti Nur Ahmad and Johor Customs Department's Enforcement Division senior officer Khalik Drahman.

On Wednesday, it was reported that a frozen meat smuggling syndicate with a warehouse in Senai was found to have brought in meat from China, Ukraine, Brazil and Argentina before repackaging them with halal logos and sell-

ing them throughout Malaysia.

Tosrin, who is also state Halal Council chairman, said a halal directory application would be developed and is expected to be launched in March next year.

In a related development, the Johor Customs Department yesterday detained the manager of a frozen meat supply company on suspicion of being involved in the case.

Khalik said the manager, in his 40s, was detained under Customs

Act 1967 to assist in the investigation.

"We seized three storage containers of frozen meat and chicken without the halal logo today (yesterday), while the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized (meat) that had the halal logo," he said at a press conference at the company's warehouse yesterday.

He did not rule out the possibility of other parties using the same ruse due to the huge market

for halal meat in the country.

"Based on what we have seen so far, this company repackaged Australian products.

"Perhaps, it is to increase the price and because people trust Australian products. We have not found the original packaging of the meat consignment."

The meat would be sent to the Chemistry Department to determine what it is before further action can be taken, he said. **Berna-**